

UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATIN SERI DR. SITIHASMAH BT HAJIMOHD. ALI
SELAJU YANG DI-PERTUA BAKTI
DI MAJLIS PECAH TANAH KOMPLEKS PENYAYANG BAKTI
DI SUNGAIBULOH, SELANGOR
PADA HARI KHAMIS, 24 SEPTEMBER 1998
JAM 10.00 PAGI

Bersyukur kita kehadiran Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan izin dan rahmatNya dapat kita berkumpul di hari ini untuk menyempurnakan satutangjawab sosial yang begitu bermakna kepada negara, bangsa dan agama kita iaitu upacara pecah tanah Kompleks Penyayang BAKTI di Sungai Buloh.

2. Pertama sekali ingin saya menyatakan terima kasih saya kepada pihak Yarisan Holding iaitu Encik Robert Chan dan keluarga yang begitu bermurah hati sekali, tampil kemuka untuk mendermakan kepada BAKTI Kompleks Penyayang BAKTI yang besar maknanya bukan sahaja kepada BAKTI sendiri, tetapi juga kepada kumpulan sasaryang akan ditempatkan di sini nanti. Usaha Yarisan Holdings ini melambangkan keikhlasan hati mereka untuk membantu pihak yang memerlukannya di saat yang dianggap genting dan sukarkini.

3. Tidak ada usaha yang begitu baik selain dari memberikan bantuan di kala ianya amat diperlukan. Kepada Yarisan Holdings yang diwakili oleh Encik Robert Chan saya mengucapkan syabas dengan semangat yang ditunjukkan semoga ia menjadi contoh kepada kita semua.

4. BAKTI merupakan sebuah badan amal yang sentiasa perihatin kepada keperluan dan kehendak negara kita. BAKTI sentiasa berusaha secara kecil-kecilan dengan cara tersendiri untuk memberikan bantuan dalam berbagai bentuk kepada mereka yang

memerlukan. Dalam bidang kebajikan, BAKTI menghulurkan bantuan kepada orang-orang yang kurang upaya dan yang kurang bernasib baik serta institusi-institusi yang berkaitan dengan kebajikan dan sosial. Dalam bidang pelajaran pula, kami mempunyai dermasiswa yang diberikan kepada anak-anak sekolah dan juga pelajar di Pusat Pengajian Tinggi atau Universiti, yang memerlukan. Kepada mereka yang ditimpa bencana kami juga turut menghulurkan bantuan. Usaha berterusan begini telah dilaksanakan selama 21 tahun.

5. Kini adalah merupakan cita-cita BAKTI untuk mendirikan satu mercu tanda yang dapat dilihat dan dibanggakan oleh semua pihak di negara ini, sebagai manifestasi keperihatinan dan khidmat amal kebajikan BAKTI. Ini adalah dalam bentuk kompleks kebajikan yang dapat menempatkan kanak-kanak yang kurang bernasib baik, warga tua yang perlukan jagaan dan belaian kasih sayang serta ibu tunggal. Kompleks yang berkonsepkan tiga dalam satu ini dirancang untuk membolehkan warga kecil di sini hidup seperti satu keluarga, di mana kanak-kanak mendapat ibu dan datuk, warga tua mendapat anak dan cucu dan ibu tunggal pula mendapat ibu bapa dan anak. Insha-Allah doa kami agar keluarga yang dibentuk ini akan dapat mengecapi kebahagiaan dan menikmati hidup kekeluargaan yang sempurna.

6. Selain daripada rumah kediaman, kompleks ini akan dilengkapi dengan sebuah perpustakaan untuk memastikan penghuni kompleks ini mendapat didikan dan pembelajaran yang baik dan sempurna kerana kami percaya hanya dengan didikan dan pelajaran yang baik sahajalah anak-anak di sini nanti dapat mengubah nasib mereka dan keluar dari pusingan ganas yang sedang memerangkapnya.

7. Kompleks ini juga akan dilengkapi dengan sebuah surau yang akan menjadi pusat ibadat dan pembelajaran bukan sahaja penghuni kompleks ini tetapi juga komuniti disekelilingnya. Sebuah TASKA yang boleh menempatkan anak kecil yang baru lahir sehinggalah keumur empat tahun juga akan dibina untuk membolehkan komuniti di

sekeliling kompleks ini mendapat khidmat memelihara anak yang sempurna semasa ibu-ibu keluarga bekerja. Di samping itu kami juga tidak melupakan perkhidmatan yang makin hari dirasakan makin penting iaitu adanya asrama ekonomi yang memberikan ruang untuk mereka yang mempunyai keluarga yang sakit berpanjangan di hospital-hospital di ibukota ini mendapat menginap sementara dengan bayaran yang murah, dengan harapan melegakan mereka yang malang ini.

8. Kompleks yang berfalsafahkan integrasi komuniti ini diharapkan akan dapat menjadi lambang kebanggaan negara kita, yang dapat diketengahkan kepada pelawat-pelawat asing yang melawat di negara ini nanti. Saya juga berharap dengan adanya perancangan landskap yang teliti dan cermat, kompleks ini dapat juga menjadi lurah yang terapeutik sebagai ubatan kepada jiwa dan fikiran yang runsing dengan kerenah hiruk pikuk bandaraya dan kota yang berhampiran.

9. BAKTI juga berharap dan akan berusaha agar kerjasama yang baik wujud dan berkekalan dengan pihak penderma, pihak BAKTI dan juga tidak kurang pentingnya pihak pelaksana nanti iaitu Kementerian Perpaduan Negara atau lebih khususnya Jabatan Kebajikan Masyarakat. Saya gembira dan berbesar hati dengan kerjasama yang diberikan. Alhamdulillah ini semua melambangkan keperihatinan kita bangsa Malaysia kepada kebajikan seluruh masyarakat termasuklah mereka yang kurang bernasib baik.

10. Pembelaan kepada memperbaiki nasib setiap anggota masyarakat adalah sentiasa menjadi agenda utama BAKTI dan juga saya percaya agenda semua tuan-tuan yang hadir pada hari ini. Pembelaan ini adalah dalam berbagai bentuk dan salah satunya ialah apa yang tuan/puan tunjukkan di sini. Tidak ada satu sumbangan yang dianggap kecil, semuanya saya anggap besar dan penting serta sangat bererti demi untuk mewujudkan masyarakat yang adil dan sejahtera. Sumbangan tuan-tuan walau dalam apajua bentuk, samada wang ringgit, kepakaran, tenaga, idea, niat yang baik adalah merupakan ramuan utama bagi kita membina sebuah masyarakat yang kukuh dan penyayang serta membantu

mencapai cita-cita murni kita. BAKTI percaya masyarakat yang bahagia ialah masyarakat yang penyayang dan saksama, yang kaya membantu yang miskin, yang muda dikasihi, yang tua dihormati, anak di didik dan yang malang dibela.

11. Oleh itu dikesempatan ini saya terus menyeru kepada semua yang hadir agar terus memberikan BAKTI dan pihak Yarisan serta Jabatan Kebajikan Masyarakat kerjasama dan nasihat agar kompleks ini dapat disiapkan mengikut perancangannya.

12. Usaha dari BAKTI, Yarisan dan Jabatan Kebajikan sahaja tidak memadai, kita memerlukan jiran yang baik dan bertimbang rasa bukan sahaja di dalam peringkat pembinaan kompleks ini tetapi selama-lamanya. Saya gembira mendengar bahawajiran kita Bandar Sri Damansara dan Hume Corporation telahpun memberikan kerjasama mereka. Semoga keadaan ini berpanjangan kerana kejayaan kompleks ini untuk memelihara imejnya juga bergantung rapat dengan hubungan baik dengan jiran yang ada.

13. Akhir sekali saya ingin mengucapkan rasa syukur dan terima kasih saya kepada pihak yang secara langsung dan tidak langsung sedang berusaha menjayakan pembinaan kompleks ini, dari mereka yang terlibat dari perancangan awal seperti pihak Kementenan Kerja Raya, Kementerian Tanah dan Wilayah, Kumpulan Yarisan Holdings dan Pakar Perunding yang memberikan khidmat sukarela mereka, Jabatan-jabatan di Negeri Selangor, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor, Pejabat Daerah Petaling, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Parit dan Tali Air, Tenaga Nasional Berhad, Jabatan Pertanian, FRIM, Jabatan Agama Islam Selangor, tidak lupa kepada pegawai-pegawai dari Jabatan Kebajikan Masyarakat yang menjadi penggerak utama kompleks ini.

14. Mungkin tidak lengkap jika tidak saya sebut juga kakitangan Yarisan dan kumpulannya yang berusaha bersungguh-sungguh untuk menjayakan pembinaan kompleks ini, dengan memberikan minat dan komitmen yang begitu besar. Semoga dengan komitmen yang ditunjukkan oleh semua pihak tadi cita-cita BAKTI dan cita kita

bersama melihat terbinanya kompleks yang dapat membanggakan negara kita ini akan berjaya.

15. Dengan lafaz Bismillahir rahmanir rahim saya merasmikan majlis pecah tanah Kompleks Penyayang BAKTI Sungai Buloh ini.
